



قاليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 35

RABU 28 OGOS, 1985.

رابو 11 ذوالحجه 1405

PERCUMA

PADUKA SERI BEGAWAN LAWAT KRI DEWA RUCI

MUARA. — Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Perintah Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat melawat ke Kapal KRI DEWA RUCI iaitu sebuah kapal latih Taruna Akademi TNI Angkatan Laut Indonesia (AAL) Khamis lepas.

Kapal KRI DEWA RUCI tiba di negara ini pada hari Selasa minggu lalu dalam rangka lawatan muhibah empat hari ke negara ini dengan membawa 138 orang anggota termasuk 58 orang Pelatih Kadet Tentera Laut.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Indonesia, Tuan Zuwir Djamil, Pegawai Pemerintah ABDB, Brigadier Jeneral Dato Paduka Seri JPW Friedberger, Komandan Kapal, Ripa Gambadi Prawirosastro dan Yang Dimuliakan Pehin Datu Juragan Laila Diraja Lt.

Oleh Ahat Haji Ismail

Kolonel Dato Paduka Awang Kifli, Pegawai Memerintah Tentera Laut.

Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia 2Lt. Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah.

Selepas mendengar taklimat ringkas mengenai perkembangan dan aktiviti kapal KRI DEWA RUCI, Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan menyaksikan satu latihan pergerakan dalam kapal yang bergelora 'Pran Prade Rot'.

Kemudian Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana

Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, dijunjung melawat ke pelbagai bahagian kapal tersebut dan menandatangani buku lawatan.

Sebelum berangkat meninggalkan kapal tersebut, Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan menyaksikan permainan pancaragam yang dipersembahkan oleh Kadet Tentera Laut.

Semasa berada di negara ini anggota tentera laut itu telah mengadakan beberapa perlawanan sukan, melawat tempat-tempat menarik serta mengadakan persembahan pancaragam di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada hari Rabu lepas.

Meluaran seorang Puteri

MENJUNJUNG titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Muizzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan amat sukacita diumumkan bahawa dengan izin Allah jua, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abdul Aziz, telah selamat meluaran seorang Puteri pada hari Jumaat 6 Zulhijjah 1405 bersamaan dengan 23 Ogos 1985 jam 1.55 pagi.

Tembakan meriam sebanyak 21 das telah dilepaskan di pekarangan Istana Darul Aman, Muara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima junjung ziarah Awang Sahari bin Abdullah, salah seorang tahanan yang dibebaskan. Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.

KEBAWAH DYMM BERKENAN BEBASKAN 7 TAHANAN

Oleh: Karim HAR

BANDAR SERI BEGAWAN.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan bagi pembebasan tujuh orang tahanan yang telah ditahan di bawah kuasa Undang-Undang Darurat.

Mereka yang dibebaskan pada 27 Ogos itu ialah Pengiran Anak Chuchu bin Pengiran Anak Mohd Salleh, Pengiran Haji Sani bin Pengiran Haji Mohd Daud, 48, Awang Nasar bin Mokti, 43, Awang Ismail bin

Tengah, 30, Awang Ahad bin Haji Tuah, 33, Awang Abdul Ghani bin Angis, 43 dan Awang Sahari bin Abdullah 55.

Sebelum dibebaskan mereka telah menjalani kursus pemulihan kira-kira sepuluh hari di mana mereka telah diberikan penerangan mengenai fungsi-fungsi beberapa buah jabatan kerajaan di samping melawat ke Jabatan Penerangan, Pusat Latihan Pertanian Sinait,

Stadium Negara Hassanul Bolkiah, Jabatan Radio dan Televisyen dan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad di Seria.

Ketujuh-tujuh orang tahanan itu telah mengangkat sumpah dan melafkan ikrar dalam satu upacara di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop pada petang Sabtu 24 Ogos lepas, di hadapan Pemangku Kadi Daerah Brunei dan Muara.

Sehubungan dengan pembebasan mereka, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mereka menjunjung ziarah di Istana Nurul Iman pada petang Isnin 26 Ogos lalu.

HARI TERBUKA TENTERA LAUT 1 SEPTEMBER

MUARA. — Tentera Laut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan mengadakan Hari Terbuka selama sehari pada hari Ahad 1 September depan, bermula jam 10.00 pagi.

Menurut jurucakap pasukan itu pelbagai acara telah disusun bagi membolehkan orang ramai bergembira di hari terbuka itu seperti memanjat tiang lici, menggolek batang di air, perlumbaan perahu, pertunjukan payung terjun dan pertunjukan latihan jasmani.

Di samping itu orang ramai juga diberi peluang menaiki kapal-kapal pejuang pasukan itu dan dibawa belayar di

kawasan yang berdekatan.

Peralatan senjata dan kelengkapan Tentera Laut juga akan dipamerkan pada hari tersebut.

Perasmianya akan dilakukan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger.

Bagi membolehkan orang ramai mengunjunginya, Tentera Laut menyediakan bas untuk pergi dan balik ke pertunjukan itu.

Bas-bas akan menunggu di Perhentian Bas, Bangunan Lepak Kereta Bertingkat pada pukul 9.30, 11.30 pagi dan pukul 1.45 tengah hari.

MANISNYA IMAN

"(MUSIM) haji adalah beberapa bulan yang dimaklumi, barangsapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji, maka tiada boleh rafats, berbuat fasik dan berbantahan di dalam masa mengerjakan haji. Dan apa yang kamu kerjakan berupa kebaikan nescaya Allah mengetahuinya. Berbekallah, dan sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah takwa dan bertakwalah kepada-Ku hai orang-orang yang berakal." — Makna ayat 197 Surah Al-Baqarah.



KEBAWAH Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Perintah Negara Brunei Darussalam dipersembahkan sebuah cenderamata yang dipersembahkan oleh Komandan Kapal, Ripa Gambadi Prawirosastro. Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.



28 OGOS, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KEPENTINGAN MENGUKUHKAN SUASANA BERUGAMA: SUATU TUNTUTAN TANGGUNGJAWAB

KESEDARAN berugama di kalangan rakyat ter-
banyak di negara ini telah memberikan sum-
bangan yang sungguh-sungguh bererti pada

mengketarkan lagi sifat Brunei Darussalam
sebagai sebuah negara yang berkonsep Melayu
Islam Beraja.

Kesedaran berugama dan fahaman keislaman
telah memberikan rakyat serta penduduk di
negara ini suatu pandangan hidup yang jelas serta
pegangan yang kukuh dengan mencintai
tanahair, mentaati raja dan menyukai keamanan
serta perkara kebajikan.

Peningkatan kepercayaan yang berterusan
adalah suatu amalan keislaman yang menepati erti
kata cara hidup yang sebenarnya yang harus
diambil kira oleh semua pihak sambil itu ia dapat
menjamin ketahanan survival negara dalam
menerap, mengembang, mengamalkan serta
menghayati cara hidup keBruneian dengan unsur
serta corak Melayu Islam dan Beraja yang
sesungguhnya menjadi landasan dan asas bagi
kita menikmati hidup yang penuh kebajikan.

Kesedaran serta amalan keislaman semakin
meningkat yang membawa petanda meningkat
pula harapan serta jangkaan rakyat agar
rancangan-rancangan keislaman yang luas bagi
menepati erti kata Islam sebagai cara hidup yang
lengkap lagi sempurna akan dapat ditambah
dilatgandakan. Dalam hal ini kesediaan serta
hasrat bagi pelaksanaan ajaran-ajaran Islam
secara luas itu telah pun ada. Sebahagiannya

telah pun diikuti oleh usaha-usaha kerajaan
menurut keupayaan yang ada pada masa ini.
Akan tetapi keupayaan kita adalah cukup terhad.
Kerannya Kerajaan telah pernah menyatakan
hasrat untuk mendapat bantuan kepakaran dalam
bidang-bidang keislaman dari luar negeri.

Meluasnya peningkatan fahaman keislaman di
kalangan kita semua adalah merupakan cabaran
kepada kerajaan serta cerdik pandai dalam
bidang ugama bagi mengetengahkan dan
melaksanakan rancangan-rancangan keislaman.
Kita berkeyakinan cabaran ini telah mendorong
cerdik pandai ugama di negara ini untuk menilai
peranan serta sumbangan mereka pada
mengesahkan lagi semangat keislaman menerusi
pelaksanaan hukum-hukum Islam yang betul di
samping sokongan semua pihak dengan
kesedaran bahawa kekuatan pengaruh ugama
Islam di negara ini adalah bagi kepentingan sur-
vival negara pada keseluruhannya.

Kejayaan suatu rancangan keislaman yang
dikemukakan serta berhasil pula dilaksanakan
tidak semata-mata disandarkan kepada semangat
keislaman yang meluap-luap. Akan tetapi ia wajar
diseimbangi dengan budi bicara serta pertim-
bangan yang wajar selaras dengan ajaran-ajaran
Islam itu sendiri di samping penglibatan serta
sokongan yang menyeluruh dari semua pihak

dengan kesedaran bahawa kita hidup serta ber-
nauq di bumi yang menerapkan serta
mengamalkan Islam itu lebih daripada cuma
setakat ugama.

Islam itu memberikan fahaman yang ajarannya
merangkumi kepercayaan dan cara hidup —
akidah dan syariah. Sebagai cara hidup —
syariah — ia mengaturkan sistem dan sistem itu
tentulah untuk dihayati. Sebagai kepercayaan —
akidah — ia mengandungi dogma dan tentunya
dogma itu untuk diyakini. Penghayatan dengan
yakin itu bermakna mengamalkan secara fardu
ain dan fardu kifayah.

Status quonya sebagai ugama yang dianuti oleh
raja dan rakyat terbanyak menjadikan dominan
ke atas sifat negara ini sepanjang sejarahnya
hinggalah kita menjadi sebuah negara yang
berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

Menjadi tuntutan serta tanggungjawab kita
semua baik di peringkat kerajaan mahupun rakyat
serta penduduk negara ini bagi sama-sama
berperanan untuk lebih mengketarkannya dalam
makna terus-menerus memelihara kepentingan
mengukuhkan suasana berugama dengan
fahaman selama mana ia bertujuan untuk men-
dapatkan tunjangan kekuatan rakyat dan kerajaan
dalam mengimbangi keseluruhan kemajuan yang
ditempuhi oleh negara ini.

Pemilik-pemilik kapal diingat semak sijil-sijil kelulusan

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Pemilik-pemilik dan ejen-
ejen kapal-kapal adalah
diminta bagi menyemak sijil-
sijil kelulusan dari stesen
rawatan sebelum menghantar
rakit-rakit keselamatan
mereka untuk rawatan dan
pengukuran.

Ingatan ini telah dibuat
oleh Jabatan Laut,
Kementerian Perhubungan
kepada semua pemilik-
pemilik dan ejen-ejen kapal,
juruuruk kapal dan stesen-
stesen merawat rakit
keselamatan yang terdapat di
negara ini agar tidak

menghantar rakit-rakit
keselamatan mereka untuk
dibuat pengukuran tahunan
ke stesen-stesen rawatan yang
tidak diluluskan.

Menurut Pengarah Laut,
amalan seumpama ini adalah
bertentangan dengan
Peraturan 19, Bab 3 dari
S.O.L.A.S. Convention 1974
dan hendaklah diberhentikan
serta-merta.

Semua syarikat-syarikat
yang ingin menjalankan
rawatan terhadap rakit-rakit
keselamatan terapung hen-
daklah menghadapkan sijil-

sijil kelulusan dan kelayakan
kakitangan yang merawat,
dan juga sijil stesen rawatan
yang diluluskan bagi setiap
buatan rakit keselamatan
yang mereka ingin rawat
kepada Jabatan Laut.

Jabatan Laut sendiri akan
memberikan pengesahan
kepada stesen berkenaan un-
tuk membuat rawatan
tersebut, dan akan
mengedarkan kepada kaum
perkapalan dan juruukur
kapal satu senarai stesen-
stesen rawatan yang
diluluskan.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Haji Abdul Aziz bin Muhammad dan sebahagian daripada jemputan khas yang
hadir di majlis tersebut. — Gambar oleh Harun Rashid.

PELAJARAN KANAK-KANAK PERLU DIBERI PERHATIAN

Oleh Haniza Abdullah

TUTONG. — Pengaruh
dadah dan kebudayaan asing
adalah masalah yang sering
dihadapi oleh negara-negara
membangun selain daripada
masalah politik dan ekonomi.

Pegawai Daerah Tutong,
Awang Abdul Aziz bin
Mohammad berkata gejala-
gejala tersebut jika tidak di-
awasi awal-awal lagi akan
membawa kehancuran dan
menjatuhkan imej sesebuah
negara.

Menyatakan demikian di
majlis Peraduan Syarahan
dan membaca Ayat-ayat Suci
Al-Quran bagi murid-murid
sekolah ugama seluruh negara
yang berlangsung di Dewan
Sekolah Ugama Pengiran
Anak Puteri Hajjah Norain di
sini pada Khamis lepas.

Awang Abdul Aziz seterusnya
berkata untuk mewujudkan
generasi yang benar-benar
bertakwa dan bersatu padu
yang akan mewujudkan
ketenteraman yang seterusnya
mengukuhkan negara di
mana setiap orang perlulah
menyadari akan tanggung-
jawab kepada Allah, dirinya
sendiri, masyarakat dan
negeranya.

Bagaimanapun beliau tidak
menafikan tugas-tugas men-
disiplinkan kanak-kanak
merupakan satu tugas yang
berat bagi ibu bapa yang
sibuk dengan tugas seharian.

Beliau selanjutnya
menyatakan bahawa akibat
kurangnya perhatian akan
menimbulkan perasaan
negatif yang akan
menyebabkan anak-anak

dan ketiga Norariffin bin Julai
dari Sekolah Ugama Salam-
bigar.

Sementara johan membaca
ayat-ayat suci Al-Quran
bahagian perempuan ialah
Midah binti Haji Abd.
Rahman dari Sekolah Ugama
Kilanas, kedua Dk Hajjah
Masayu binti Pengiran Haji
Mohd Yusof, Sekolah Ugama
Serusof dan ketiga Nor-
sukaseh binti Mohd Yusof dari
Sekolah Ugama Paduka Seri
Begawan Sultan Omar Ali
Saifuddin Belait. Johan
syarahan perempuan ialah
Dayang Anni binti Tuah
wakil Sekolah Ugama
Pengiran Muda Abdul Azim
Serasa, tempat kedua Umi
Kalthum binti Ahmad dari
Sekolah Ugama Kasat dan
ketiga Ani Haryani binti Ab-
dul Rahman dari Sekolah
Ugama Sengkuring.

Penyampaian hadiah-
hadiah kepada pemenang-
pemenang telah disempur-
nakan oleh Pegawai Daerah
Tutong, Awang Abdul Aziz
bin Muhammad.

Peraduan itu adalah projek
tahunan Jabatan Hal Ehwal
Ugama sempena menyambut
Hari Keputeraan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Dipertuan Negara
Brunei Darussalam ke-39
tahun. Di samping itu ianya
juga bertujuan menanamkan
semangat berlumba-lumba di
jiwa kanak-kanak serta bertu-
juan mengasuh bakat mereka
agar menjadi pemimpin
masyarakat yang bijak.



AWANG Amit



AWANG Samat



AWANG Bakar



PENGIRAN Kamaluddin



AWANG Ramli.



AWANGKU Mat Salleh



PENGIRAN Hashim

IKUTI KURSUS POS MEN

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Tujuh orang kakitangan
Jabatan Perkhidmatan Pos
kini berada di Kuala Lumpur
untuk menghadiri berbagai
kursus di Institut Latihan Pos,
Medan Tuanku.

Tiga orang daripada
mereka mengikuti kursus
Kerani Mel. Mereka ialah
Awang Amit bin Ismail,
Awang Bakar bin Md Yusof
dan Ak Mat Salleh bin Pg
Momin.

Awang Samat bin Haji Tu-
joh dan Pengiran Hashim bin
Pengiran Ismail mengikuti
kursus Pengawas Posmen.

Manakala Pg. Kamaluddin
bin Pg. Rendah dan Awang
Ramli bin Juli mengikuti kur-
sus Posmen.

Kursus-kursus tersebut ber-
jalan selama empat minggu
termasuk kursus penempatan
di Pejabat-kejabat Pos Kuala
Lumpur selama dua minggu
dan akan berakhir pada 7
September, 1985.

Jadual lawatan perubatan ke kampung pedalaman

BERIKUT ialah jadual lawatan perkhidmatan perubatan
yang menggunakan pesawat helikopter ke kampung-kampung
pedalaman di daerah-daerah Belait, Tutong dan Temburong
bagi bulan September:—

KAMPONG	ULU	TARIKH	HARI
Sukang	Belait	2.9.85	Isnin
Belabau	Tutong	3.9.85	Selasa
Melilas	Belait	4.9.85	Rabu
Supon Besar	Tutong	9.9.85	Isnin
Long Mayan	Tutong	10.9.85	Selasa
Bukit	Tutong	11.9.85	Rabu
Teraja Apak-apak	Tutong	17.9.85	Selasa
Buau	Belait	18.9.85	Rabu
Benutan	Tutong	23.9.85	Isnin
Mapol	Tutong	24.9.85	Selasa
Lopat	Temburong	25.9.85	Rabu
Biang Menengah	Temburong	30.9.85	Isnin
Lamaling			

PIHAK BANK DISERU BERTINDAK SECARA POSITIF — Awang Haji Mohammad

GADONG. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin menyeru supaya pihak bank negara ini melakukan tindak balas secara positif yang beresesuaian dengan aspirasi aspirasi dan matlamat-matlamat negara dan rakyatnya.

Berucap ketika merasmikan Cawangan Standard

Chartered Bank di QAF Plaza di sini pada hari Khamis lepas Awang Haji Mohammad seterusnya berkata kita semua berkehendakkan kepada alam bank yang stabil dan kukuh yang boleh membantu pembangunan negara.

"Jalan mencapai tujuan ini mestilah dengan cara kebijaksanaan dan kewibawaan dasar-dasar pinjaman bank yang mesti pula menseim-

bangkan antara keteguhan keselamatan simpanan orang ramai dan dalam masa yang sama membantu pemodal-pemodal dan peniaga-peniaga untuk mengambil bahagian di bidang kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan-perusahaan," jelas beliau.

Menurut Awang Haji Mohammad pembukaan cawangan baru Standard Chartered Bank itu adalah

melambangkan keyakinan bank ini terhadap masa depan dan sedikit sebanyak membantu untuk mengembalikan kepercayaan masyarakat.

"Pembukaan bank ini janganlah hendaknya disifatkan sebagai kehidupan fizikal sahaja. Ianya hendaklah beroperasi dengan penuh dan dengan tujuan utama untuk membantu orang ramai," kata Awang Haji Mohammad selanjutnya.

Terdahulu dalam ucapan-nya, Awang Haji Mohammad menegaskan bahawa pembukaan bank pada hari itu mempunyai banyak pengertian yang mana ianya berlaku belum lama selepas kejadian yang tidak diinginkan yang kita sama-sama maklum dan sebahagian kita mungkin mengalami sendiri.

Menurut beliau, kejadian-kejadian seumpama itu telah menggegarkan kepercayaan orang ramai dan mungkin juga akan menjejaskan kecenderungan untuk melakukan simpanan dan ianya juga



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin ketika membuka rasmi cawangan Standard Chartered Bank bertempat di QAF Plaza pada 15 Ogos lepas. Gambar oleh Harun Rashid.

mungkin mendatangkan kesan cara berfikir pentadbiran terhadap pribet bank dan institusi kewangan yang terdapat sekarang.

Bagaimanapun jelasnya, kita mempunyai alasan untuk mengembalikan harapan dan

kepercayaan jika kita boleh belajar dan pengalaman-pengalaman yang lepas dan menganalisa secara kritis dan menilai menurut prespektif yang jitu serta keinginan kita untuk melihat bank-bank dan institusi-institusi kewangan berkembang.

Peraduan kanak-kanak sihat

Oleh Zubaidah H.S.

BERAKAS. — Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei (WI) cawangan Daerah Brunei dan Muara, Jumaat lepas telah mengadakan satu Peraduan Kanak-kanak Sihat bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun.

Peraduan tersebut telah berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah di sini dan telah disertai oleh kira-kira 400 orang kanak-kanak yang berumur di antara enam bulan hingga lima tahun.

Pengerusi Peraduan Kanak-kanak Sihat bagi Daerah Brunei dan Muara, Dayang Mariam binti Abdullah dalam ucapan alu-aluannya telah mengatakan bahawa WI mengadakan peraduan ini setiap tahun adalah dengan tujuan meningkatkan taraf kebersihan

kanak-kanak di samping menggalakkan ibu-ibu menjaga dan menggunakan cara-cara yang lebih baik akan kesihatan anak-anak mereka sesuai dengan zaman ini.

Ibu-ibu juga jelasnya, patut digalakkan supaya selalu datang ke klinik-klinik pada masa-masa yang ditentukan yang mana semua kemudahan-kemudahan tersebut telahpun disediakan dengan percuma oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurutnya, ibu-ibu perlu diingatkan bahawa segala kegiatan dan kebersihan anak-anak damit adalah terletak di tangan ibu-ibu itu sendiri dan anak-anak yang sihat tambahnya akan menjadi belia yang sihat bagi memajukan sesebuah negara.

Pertandingan pada hari itu telah dibahagikan kepada tiga

kumpulan iaitu kumpulan A bagi kanak-kanak damit yang berumur antara enam bulan hingga 12 bulan, kumpulan B bagi kanak-kanak damit yang berumur 12 bulan hingga dua tahun dan kumpulan C yang berumur dua tahun hingga 5 tahun.

Bagi kumpulan A tempat pertama telah dimenangi oleh Ak Mohd Rafie Amali bin Pg Daud, tempat kedua Dk Siti Radia binti Pg Osman dan tempat ketiga dimenangi oleh Khadijah binti Awang Abd Harris, seterusnya tujuh orang anak-anak damit dalam kumpulan ini menerima hadiah sagu hati.

Dalam kumpulan B tempat pertama dimenangi oleh Ak Mohd Hakim bin Pg Haji Mohd Ali, tempat kedua dimenangi oleh sepasang anak kembar iaitu Ak Omarali Saifuddin dan Ak Ahmad Ta'uddin bin Pg. Tengah dan seterusnya tempat ketiga dimenangi oleh Siti Matikawarni binti Sulaiman. Dalam kumpulan ini tujuh orang anak-anak damit juga menerima hadiah sagu hati.

Seterusnya Mohd Fandi bin Osman telah memenangi tempat pertama dalam kumpulan C, tempat kedua Mohd Haru Kazmi bin Hamidon dan tempat ketiga Dk Siti Shahrina binti Pg Bakar, dan tujuh orang anak-anak damit menerima hadiah sagu hati.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang di peraduan tersebut telah disampaikan oleh tetamu kehormat Yang Berbahagia Datin Masni binti Haji Ali, isteri Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan.

Di akhir acara doa selamat telah dibacakan oleh Dayang Hajjah Masnon binti Haji Ibrahim, Pegawai Agama di Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei.



JOHAN dalam kumpulan B Ak. Mohd Hakim ketika menerima hadiah dari tetamu kehormat, Datin Masni binti Haji Ali. Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 28 Ogos hingga 31 Ogos 1985

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Kerajaan Limau Manis	28.8.1985	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Pengkalen Batu	28.8.1985	Rabu	9.45-10.45 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Masin	28.8.1985	Rabu	11.00-12.00 t/hari
Di Hadapan Sekolah Rendah Kerajaan Kupang	28.8.1985	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Jerudong	31.8.1985	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Taburan Jerudong	31.8.1985	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Kerajaan Sengkurong	31.8.1985	Sabtu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Agama Sengkurong	31.8.1985	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	31.8.1985	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Rendah Kerajaan Bendahara Sakam Bonut	31.8.1985	Sabtu	4.30- 5.30 "



PERBAHASAN di antara Pusat Tingkatan Enam 'B' dengan Persatuan Belia Lambak yang dipengerusikan oleh Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Tengah. Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

DBP DAN ASTERAWANI DISARAN ADAKAN SUDUT PENULIS

Oleh Abdul Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka dan ASTERAWANI disarankan mengadakan Sudut Penulis yang membolehkan para sasterawan dan pencinta sastera bertemu dan berbincang dalam bidang bahasa, sastera dan kebudayaan.

Pengarah RTB, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani yang juga selaku Penasihat II Asterawani menyarankan perkara itu ketika berucap di pelancaran Peraduan Bahasa anjuran ASTERAWANI sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun pada pagi Ahad lepas di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

"Sekurang-kurangnya Sudut Penulis itu dapat dimanfaatkan bagi tujuan-tujuan mengadakan diskusi dan forum terbuka dalam berbagai perkara," jelasnya.

Mengenai peraduan bahasa yang diadakan, beliau berharap ia akan dapat melatih generasi muda menjadi peminat yang berkerisma tinggi. Kelebihan seperti ini katanya, menjadi tanggungjawab semua pihak untuk membentuknya bagi dapat melahirkan para pemimpin bangsa dan negara yang berkemampuan mengembeling pemikiran rakyat sesuai dengan matlamat-matlamat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mewujudkan kemakmuran, kebahagiaan dan keamanan.

Beliau juga mencadangkan Asterawani sebagai satu-satu badan sasterawan di negara ini melancarkan projek-projek mereka itu secara teratur bagi membolehkan masalah-masalah bahasa, sastera dan budaya dibahaskan secara terbuka dalam bentuk Dialog Sasterawan Budaya Nusantara yang akan mengharumkan nama negara ini sebagai negara yang masih mampu mempertahankan kemurnian bahasa dan budaya Melayu di rantau ini.

Sebanyak 14 buah sekolah dan persatuan belia menyertai peraduan itu yang akan berakhir pada 22 Ogos depan.

Di antara yang hadir pada pagi itu ialah Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pegawai-pegawai Kanan DBP dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Persatuan Asterawani.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS..... Siri ke-291

PUAK BATINIYYAH Siri ke-18

Siri ke-18

SEKARANG kamu lihat Allah Taala telah memberi amaran keras di atas menyembunyikan ajaran kamu, maka ajaran kamu yang kamu sembunyikan sama ada ia benar atau sesat, jika ia benar maka Allah melaknat orang yang menyembunyikan keterangan-keterangan Allah dan hidayat-hidayat Allah yakni dalil-dalil ugama dan sekarang kamu telah masuk kumpulan orang yang kena laknat dengan nas Al-Quran. Dan jika sumpah kamu kerana menyembunyikan perkara sesat maka itu lebih-lebih dahsyat dan memasukkan kamu dalam api neraka.

Jikalau dikatakan ada beberapa banyak ayat Al-Quran menyuruh mengambil perjanjian dan sumpah seperti firman Allah dalam Surah Thaaha ayat 115 yang bermaksud: *"Dan dari sesungguhnya Kami telah berpesan kepada Adam pada masa yang lalu tetapi ia lupa dan Kami tidak mendapatinya mempunyai keazaman yang teguh."*

Kita jawab: "Tidaklah pada kamu bahawa zahir Al-Quran itu tiada menunjukkan sesuatu, mengapa kamu berdalil dengan Quran pula. Dari sebab itu dalam perumpamaan Arab: Pembohong itu lisannya menjadi saksi keatasnya." Dan kami tidak menerima kamu berdalil dengan Al-Quran kerana pada kamu Al-Quran itu percakapan Nabi dan Quran boleh ditambah dan dikurangkan, jikalau juga kita terima dalil kamu itu, maka ayat itu tiada menunjukkan pada tujuan dan maksud kamu bagaimana dalam tafsir-tafsir Al-Quran. Jikalau dikatakan bahawa perbendaharaan itu disembunyikan daripada mata orang dan rahsia tiada boleh diberitahu kepada semua orang? Kita jawab: "Itu perkara dunia, adapun perkara akhirat, maka wajib diterangkan kepada orang, sungguhpun begitu, maka menyembunyikan perbendaharaan di dunia itu dikeji seperti firman Allah dalam surah At-Taubah ayat 34 yang bermaksud: 'Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tiada membelanjakan pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab siksa yang tidak terperi sakitnya.'"

Ketahuilah tipu helah mereka pada menyembunyikan hal-hwal mereka adalah sekuat-kuat sebab bagi kufur mereka, jikalau mereka zahirkan iktidad kufur mereka, nescaya orang Islam menghancurkan mereka dalam sekelip mata dengan tiada syak lagi, bagaimana telah dilakukan oleh sahabat-sahabat Radhiallahu Anhum ke atas orang-orang murtad dan raja-raja Islam pada zaman dahulu.

15. Corak kufur mereka kelima belas; Setengah dari dalil menunjukkan pada kufur mereka ialah Tawatur (sekata) kelakuan mereka, pada malam Al-Ifadhah yang mungkar dan diketahui rata-rata oleh manusia di mana-mana tempat dan

negeri, iaitu mereka pada malam Lailatul-Ifadhah itu (pada malam Jumaat) berhimpun laki-laki dan perempuan mereka dalam satu majlis dan mereka melakukan zina, kandas, mukah dan lacur setelah dipadam segala lampu. La'natullahu Alaihim.

16. Corak kufur mereka keenam belas: Telah nyata perbuatan kufur mereka dan kejahatan mereka apabila mereka telah kuat dan menawan sesuatu tempat dan jadi pengkalan mereka, maka mereka berhimpun dan sekata pada meninggalkan sembahyang, meninggalkan azan, dan hukum-hukum Islam dan iman, mereka menghinakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, menghinakan Baitullah Al-Haram, membunuh orang-orang Haji, merobohkan masjid-masjid, menghalalkan segala yang haram dalam agama Allah, meninggalkan Al-Quran, dan meninggalkan segala hukum-hukum yang dibawa oleh Nabi-Nabi Allah, Salawatullah Alaihim, menikahkan anak perempuan dan saudara perempuan dan laki-laki, mendirikan rumah kelab minum arak dan memaki menyeranah-nyeranah Nabi-Nabi Allah, inilah perbuatan Abu Sa'ed Al-Jannabi yang telah dapat berkuasa di tempat pengkalannya di Negeri Al-Ahsa' di pantai Timur Negeri Saudi sekarang dan kemudian anaknya Abu Tahir berkuasa kemudian maka dia menuju ke Mekah Al-Mukarramah dan membinasakan Mekah pada tahun 317 Hijrah, dia masuk Mekah pada hari lapan Zulhijah hari taruih, dan dia membunuh orang-orang haji kira-kira 12 ribu orang dan dicampakkan mayat-mayat ke telaga Zam-Zam, dirampasnya kelambu Ka'abah dan dicabutnya pintu Ka'abah dan ditanggalkan akan Al-Hajarul-Aswad dari penjuru Ka'abah dan dibawa Al-Hajarul-Aswad itu ke pengkalannya di kawasan Al-Ahsa', dan tinggal Al-Hajarul-Aswad bersama-sama mereka selama 22 tahun kurang beberapa bulan, kemudian dikembalikan Al-Hajarul-Aswad itu ke Mekah pada tahun 339 Hijrah bulan Zulkaedah, dengan dibayar oleh pemerin-

tah Turki pada zaman Khalifah Bani Abbas, sebanyak 50 ribu wang emas (dinar), dan tiada juga dipulangkan oleh mereka melainkan setelah datang utusan pemerintah Ibnu Yagut At-Turki, baharulah mereka pulangkan, berlanjutan masa Abi Tahir La'natullahu Alaihi, sehingga ia serahkan pemerintahnya kepada Zikruwiyah yang beragama Majusi. Berkata orang-orang yang melihat: "Demi Allah saya lihat mushaf Al-Quran dalam masa pemerintah Zikruwiyah itu, orang-orang berak di atas mushaf itu dan disapukan istinja' dengannya dengan seghaja. La'natullahu Alahim.

17. Corak kufur mereka yang ketujuh belas: Setengah dari dalil menunjukkan kufur mereka ialah hadis-hadis sahih berkenaan dengan mereka. Setengah dari hadis itu ialah riwayat Al-Hadi Alaihis Salam dalam Kitab Al-Ahkam dengan isnadnya kepada Sayidina Ali Alaihis Salam daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud:

"Ya Ali kelak akan ada di akhir zaman satu kaum bagi mereka itu ada gelaran yang tidak baik yang mereka itu akan dikenali dengan gelaran tersebut, mereka itu disebut La-Ifadah , jikalau engkau menemui mereka bunuhlah mereka itu, Allah akan membunuh mereka, sesungguhnya mereka itu adalah orang-orang musyrik.

Dan lain-lain hadis. Ini adalah nas yang sah nyata adalah pada syirik puak Batiniyyah, tiada syak lagi dikehendakkan dengan hadis ini ialah puak Batiniyyah dan lain-lain seumpama mereka seperti puak Al-Ghulah Wal-Mufawidhiyyah dan tiada yang lain dari puak-puak yang masuk di bawah nama Asy-Syi'ah seperti Al-Imamiyyat ul-Ithna'i Asyariyyah, kerana mereka orang Islam dengan ijma' umat Islam.

18. Corak kufur mereka kedelapan belas: Dari tanda-tanda kufur mereka ialah mereka Batiniyyah itu orang munafiqin, dengan tiada khilaf di antara umat Islam, kerana mereka menzahirkan lain apa yang tersembunyi dalam hati mereka, kerana mereka menzahirkan syiar Islam pada setengah-setengah ketika sebab takutkan pedang umat Islam ketika mereka lemah dan tiada kuasa menentang dan nifaq itu sebusuk-busuk kufur pada pandangan Islam. Firman Allah

dalam Surah An-Nisaa ayat 145 yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang munafiq itu di tempatkan pada tingkatan yang terkecil sekali dari (lapisan-lapisan dalam) neraka. Dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat sesiapa pun yang boleh menolong mereka."

Tujuannya orang munafik di azab dalam neraka yang bawah sekali.

19. Corak kufur mereka ke sembilan belas: Mereka mengkafirkan Al-Imam-imam daripada Ahlil-Bait Alaihimus-Salam, mereka sangat benci kepada Al-Imam daripada Ahlil-Bait dan mereka memerangi dan menyerang akan Al-Imam-imam daripada Ahlil Bait, telah maklum bahawa Al-Imam Al-Hadi Alaihis-Salam telah memerangi Qaramitah lebih dari 70 kali. Juga mereka memerangi Batinisyah di Negeri Jibalud-Dailam di tempat bernama Qalatul-Maut dan sekitarnya dan perkara itu masyhur diketahui oleh orang.

20. Corak kufur mereka kedua puluh: Mereka mengkufurkan umat Islam sekalian dan mereka namakan umat Islam itu umat yang kecewa dan mankusah (umat Islam yang tiada mempunyai panduan), mereka namakan Al-Imam Al-Imam (Ulama Besar), ulama, ahli-ahli yang mempunyai kelebihan daripada umat Islam, dari semenjak zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sehingga hari kita ini, ialah syaitan-syaitan manusia dan patung disembah, mereka mentakwilkan semua ayat Al-Quran yang disebutkan perkataan Al-Jibtu, At-Taghut, Wal-Lat dan Al-Uzza dan lain-lain. Mereka berkata: "Mula berhalakah dua syaitan manusia ialah Abu Bakar, kemudian Othman (Radhiallahu Anhum) kemudian mereka yang seumpama mereka pada tiap-tiap waktu dan zaman, seperti Al-Imam-Imam yang ber-nasab kepada Ahlul-Bait seperti Yahya bin Al-Hussein yakni Al-Hadi, Al-Qasim bin Ibrahim, Muhammad bin Abdullah yakni An-Nafsuz-Zakiyyah dan saudara-saudaranya yakni Ibrahim bin Abdullah pemerintah Bakhamra, Yahya bin Abdullah, Idris bin Abdullah dan lain-lain dan Zaid bin Ali. Dan pada zaman kita ini seperti Al-Qasim bin Ali yakni

pemerintah Ayan dan anaknya Al-Hussin bin Ali yang bernasab kepada Al-Husainiyah. Lihatlah tuan bagaimana mereka menjadikan Al-Imam-Imam daripada Ahlul-Bait, berhala-berhala dan kepala-kepala syaitan manusia, tiadalah ini melainkan kufur yang terang-terang daripada puak Al-Batiniiyyah dan mereka menyekutukan Allah Taala, barangsiapa tiada mengkufurkan mereka maka mereka menjadi kafir seperti Batiniiyyah.

Ini dia iktikad mereka pada imam-imam daripada Ahlil-Bait, apatah lagi buruk iktikad mereka pada orang-orang Islam seluruhnya, mereka berkata umat Islam umat yang kecewa (mankusab), padahal Allah Taala telah memuji umat Islam dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 143 yang bermaksud:

"Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu."

Tafsir ringkasnya: Allah Taala telah menjadikan umat Islam itu suatu umat yang terpilih di antara lain-lain umat dan umat Islam diberi kelebihan dan keutamaan, yang tiada diberi pada lain-lain umat, ugama mereka dan kelakuan mereka terpuji, barangsiapa mengkafirkan seorang Islam nescaya ia kafir menurut kata kebanyakan ulama, kerana Allah Taala telah saksiakan bahawa orang mukmin berada dalam syurga, bagaimana firman Allah dalam Al-Quran Surah Al-Kahfi ayat 107 yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal saleh, disediakan bagi mereka syurga-syurga Firdaus, sebagai tempat tetamu (yang serba mewah)."

Tafsir ringkasnya: Orang-orang yang beriman itu bertempat dalam syurga bernama Firdaus. Dan Allah Taala telah saksiakan bahwa orang kafir itu dalam banyak ayat Al-Quran bertempat dalam neraka jahanam, maka dari itu barangsiapa menjadikan orang mukmin akan orang kafir, dan ia dijadikan barang yang hak benar, akan barang yang batil dan salah, maka ia telah menjadi kafir, bagaimana pula hukum orang yang menjadikan sekalian sahabat, tabien dan orang-orang Islam sekalian dari zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sehingga hari kita ini, semuanya mereka orang kafir dan mereka berpura-

pura menampakkan kasihan Sayidina Ali dan anakanda-anakanda yang tujuh semuanya nifaq dan kufur daripada puak Batinniah yang batil dan salah itu. Sebagaimana telah lalu.

Mereka adalah lebih dalam kufur mereka daripada penyembah-penyembah berhala, kerana penyembah berhala itu tiada engkarkan Allah Taala, bagaimana Allah menceritakan hal mereka dalam Surah Az-Zumar ayat 5 yang bermaksud:

"Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan untuk mereka mendampingkan kami kepada Allah sedamping-dampingnya."

Tafsir ringkas. Penyembah-penyembah berhala itu menyembah berhala kerana berhala jadi orang tengah pada mendampingi kepada Allah Taala, padahal puak Batiniyyah engkarkan wujudnya Allah dengan berbagai-bagai dalil telah disebutkan. Dan mereka lebih dalam kufur mereka daripada orang Nasrani, kerana Nasrani berkata Allah satu daripada tiga tuhan tetapi orang Batiniyyah ada mem-punyai dua tuhan bahkan ada sepuluh tuhan, kiranya orang Nasrani telah menjadi kafir dengan sebab menjadikan tuhan tiga serangkai, bagaimana nas Al-Quran dalam Surah Al-Maidah ayat 73 yang bermaksud: "Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawasanya Allah ialah salah satu dari tiga Tuhan. Padahal tiada tuhan yang sebenar-benarnya melainkan Tuhan Yang Maha esa."

Maka kufur Batiniyyah lebih dari kufur Nasrani, kerana mereka bingung tiada mengenal ada Tuhan.

Setengah dari helah mereka, bahawa mereka berkata: Siapa yang berkata bahawa kita puak Batiniyyah, maka dialah yang dilaknat Allah akannya, bahkan kita dari puak Ismailiah yang mu'min dan apa yang kamu kata mereka Batiniyyah itu ialah pada kita mereka orang kafir.

Kita jawab: Itu kata-kata kamu kepada orang-orang yang kurang akal sama ad laki-laki atau perempuan dan lain-lain, adapun orang yang berakal daripada ulama tidaklah laku dusta dan helah kamu itu, kerana iktikad kamu pada mula-mulanya tersembunyi, tetapi sekarang telah diketahui dan nyata kepada orang ramai. Dan umat Islam telah ijm'a dan sekata mengatakan bahawa puak Isma'iliyah dan Batiniyyah adalah keduanya satu benda bukan berlainan benda dan iktikadnya.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

SIFAT AMANAH SANGAT DIGALAKKAN OLEH UGAMA ISLAM

BERTAKWALAH tuhan dan hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjaui segala apa jua larangan-Nya.

Sifat amanah adalah merupakan sebagai sifat terpuji dan digalakkan oleh agama Islam kepada orang-orang Islam. Agama Islam sangat-sangat menekankan supaya orang-orang Islam bersifat amanah dalam kehidupan mereka sehari-hari, baik terhadap dirinya mahupun terhadap orang lain.

Amanah yang dimaksudkan di sini ialah kepercayaan yang diletakkan kepada mereka yang mana mereka bertanggungjawab untuk menjalankan dan melaksanakannya.

Dalam hubungan ini perlu disedari bahawa setiap orang Islam telah diletakkan amanah kepada mereka yang mana mereka bertanggungjawab untuk menjalankan dan melaksanakannya.

Dalam sebuah hadis, Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam pernah bersabda yang kira-kira bererti: "Sesungguhnya engkau diper-tanggungjawabkan hak terhadap Tuhanmu dan hak terhadap dirimu sendiri, juga terhadap isterimu, maka berilah hak-hak kepada yang empunya." Hadis ini menunjukkan bahawa setiap orang Islam mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berupa amanah yang mesti dilaksanakan terhadap mereka yang berhak menerimanya.

Untuk lebih lanjut, ini dapat diertikan bahawa tanggungjawab yang berupa amanah itu telah ditetapkan dilaksanakan seperti tanggungjawab seseorang terhadap Tuhan, terhadap diri sendiri, terhadap keluarga. Begitu juga tanggungjawab seorang bapa terhadap anak-anaknya, tanggungjawab seorang terhadap masyarakat dan negaranya dan tanggungjawab kerajaan terhadap rakyat dan sebaliknya tanggungjawab rakyat terhadap kerajaan.

Tanggungjawab seorang ayah terhadap anaknya dan keluarga ialah pada memberi makan, pakaian, pendidikan, pelajaran dan perlindungan. Begitu juga tanggungjawab anggota masyarakat terhadap masyarakat kelilingnya ialah menaruh perasaan hormat menghormati dan menjaga kepentingan mereka kerana hidup dalam sebuah masyarakat perasaan hormat menghormati dan bertolak ansur amat penting sekali.

Begitu juga tanggungjawab kerajaan terhadap rakyatnya ialah menyediakan keperluan dan memberikan kemudahan-kemudahan yang diperlukan mereka seperti mengadakan jalan-jalan raya, hospital, keselamatan, pelajaran dan pembangunan. Di samping itu rakyat perlu bertanggungjawab memberikan kerjasama kepada kerajaan seperti menjaga keamanan, kebersihan negara dan menjaga kebaikan negara ini dengan bekerja bersungguh-sungguh dan ikhlas membangun negara kerana pembangunan dan projek kerajaan tidak akan dapat

diselesaikan sekiranya rakyat hanya mendengar dan berpeleuk tubuh sahaja dan hanya menyerahkan kepada kerajaan untuk melaksanakannya, kerana pembangunan dan projek ini adalah bersifat dua hala iaitu kerajaan dan rakyat sama-sama bekerja berganding bahu.

Perkara ini sangat mustahak diperhatikan baik-baik, kerana menunaikan amanah masing-masing itu punca kesejahteraan bersama. Jangan hanya satu pihak sahaja, sementara pihak yang lain mengabaikannya. Kita ambil misal, pada masa ini pihak berkenaan telah bertindak mengadakan tempat-tempat kemudahan dalam berbagai-bagai bentuk, seperti gerai-gerai jualan, tempat-tempat menunggu bas umpamanya. Semua ini dilakukan adalah bagi kesenangan dan kebahagiaan orang ramai. Tetapi di setengah tempat-tempat itu ada yang mendukacitakan, dipuguti oleh orang-orang yang pugut. Sifat pemugut begini terangnya ia bukan menepati erti amanah itu



bahkan sebaliknya. Yang sepatutnya apa yang sudah ada itu mestilah kita pelihara seperti kepunyaan kita sendiri, baharulah ada sifat amanah dan jujur serta bertanggungjawab. Inilah yang

kita harap-harapkan sesuai dengan kehendak Islam sendiri untuk mencapai kebahagiaan bersama di samping pahalanya pun dapat bagi diri yang melakukannya masing-masing.

Pertahankan pegangan keislaman dan keimanan kita

Menuju keredaan Allah

LORONG perjalanan hidup manusia suatu masa tentu akan berakhir tetapi perhen

Kursus-kursus anjuran Unit Latihan

BERAKAS. — Unit Latihan Pejabat Perjawatan dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara, Malaysia (INTAN) akan mengendalikan dua lagi kursus bagi kakitangan Jabatan-Jabatan Kerajaan bertempat di Pusat Latihan, Jabatan Perjawatan pada 2 September akan datang.

Kursus Penyelenggara Stor bagi Penyelenggara-penyelenggara Stor Tingkatan Khas akan berakhir pada 21 September. Sementara Kursus Pengurusan Kewangan bagi Kerani Tingkatan II akan berakhir pada 18 September.

Penceramah-penceramah di kursus itu nanti terdiri daripada pegawai-pegawai Institut Tadbiran Awam Negara, Malaysia (INTAN) dan penceramah-penceramah jemputan dari jabatan-jabatan kerajaan di negara ini.

dan berakhirnya itu tidak dapat diketahui masa dan ketikanya. Manusia tidak begitu lama hidup di dunia ini. Rata-rata manusia hidup hanya dalam lingkungan usia 60 sampai 70 tahun sahaja. Lebih atau kurang usia manusia di dunia ini hanya dapat diukur dalam purata usia tersebut.

Di samping menjalani kehidupan yang penuh dengan kekeliruan dan purapura, hidup yang dilalaikan oleh nikmat kesenangan, kemewahan, kekuasaan dan kedudukan, maka ingatlah kepada suatu perhentian yang terakhir di dunia ini, sementara belum sampai berakhirnya hidup maka janganlah lupa memohon kepada Allah untuk mendapatkan keredaan-Nya iaitu keyakinan (agama yang lurus). Dengan tumbuhnya keyakinan di dalam hati maka semogalah ianya akan menelurkan benih-benih amal kebajikan dan ketakwaan kepada Allah dalam peribadatan kita sehari-hari. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Mintalah (berdoalah) kepada Allah akan keyakinan (agama yang benar) dan kesihatan. Kerana sesungguhnya tidak ada sesuatu sesudah keyakinan yang lebih berharga daripada kesihatan."

Seluruh rahmat yang berupa harta benda, kesihatan, keselamatan dan ilmu pengetahuan menjadi tidak berguna seluruhnya bila tidak disertai dengan rahmat keyakinan (agama) yang benar, petunjuk agung yang dapat menghantarkan manusia ke arah keselamatan

dan kebahagiaan dunia dan akhirat. Sebab agama yang benar sahaja dapat menjamin keselamatan dan kebahagiaan abadi dalam waktu yang tidak terbatas lama dan panjangnya. Bukan setakat 60 tahun atau 70 tahun sebagai terbatasnya usia manusia. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang ertinya: "Sesungguhnya Allah memberikan harta kekayaan kepada orang yang ia cintai dan kepada orang yang ia tidak cintai. Tetapi tidaklah diberikan-Nya agama kecuali kepada orang yang ia cintai sahaja."

Sebagaimana diingatkan bahawa rahmat, rahmat Islam dan iman adalah rahmat yang terbesar tiada nilai dengan apapun. Sungguh beruntung sekali orang yang telah menerima atau merasa memiliki Islam dan iman itu di dadanya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam yang ertinya: "Beruntung orang yang telah melihat akan daku dan beriman dengan ajaranku dan beruntung, beruntung, beruntung orang tidak melihat aku tetapi beriman dengan ajaranku."

Setiap orang Islam yang beriman yang hidup sekarang adalah manusia golongan yang paling beruntung, kerana mereka tidak pernah melihat dan tidak bertemu dengan Rasulullah tetapi mereka beriman kepada ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pertahankanlah pegangan keislaman dan keimanan kita itu dengan segenap kemampuan jangan sampai hilang atau lenyap. Jangan sampai harta yang bagaimanapun banyaknya dan kedudukan yang bagaimanapun juga tingginya sampai merugikan keislaman dan keimanan kita.



DAYANG Limah

AWANG Chuchu

Tiga jemaah haji meninggal dunia

TIGA orang jemaah haji dari negara kita baru-baru ini telah meninggal dunia di Madinah dan Mekah.

Mereka ialah Hajjah Naimah Zaharah bte Abdullah dari Daerah Tutong meninggal dunia di Madinah pada 11 Ogos 1985. Allahyarhamah berusia 62 tahun. Jemaah haji kita yang kedua yang telah meninggal dunia di Madinah pada 12 Ogos ialah Awg. Chuchu bin

Abd. Rahman yang beralamat Perumahan Airport Lama Jalan Berakas Brunei Darussalam. Ketika meninggal Allahyarham berusia 50 tahun.

Seorang lagi jemaah haji kita yang telah meninggal dunia di Mekah pada 15 Ogos lepas ialah Dy. Limah bte Awg. Damit berusia 84 tahun. Allahyarhamah berasal dari Kampong Peramu Bandar Seri Begawan, Brunei.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 28 Ogos, 1985 hingga ke hari Selasa 3 September, 1985 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Ogos												
28-31	12.26	3.42	3.43	6.32	6.33	7.43	7.44	4.56	4.42	4.57	6.13	6.14
September												
1-3	12.24	3.40	3.41	6.29	6.30	7.41	7.42	4.55	4.41	4.56	6.12	6.13

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA

Jika kita ingin beroleh berkat:

TAATILAH SEGALA PERINTAH- PERINTAH ALLAH

Khutbah pertama

KITA tidaklah bermaksud untuk mengulang-ulang kisah korban yang membawa sejarah kepada hari raya yang sedang kita rayakan ini. Tetapi ada suatu ciri yang penting yang berkait rapat dengannya yang perlu kita perhatikan iaitu bagaimanakah pengorbanan ini boleh terjadi dan sanggup dilakukan oleh dua orang hamba Allah anak beranak, Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihimussalatu Wasallam padahal caranya sungguh-sungguh berat: Bapa mesti sembelih leher anak yang dikasihinya. Maka untuk itu jawabannya kita salinkan tafsir Surah Assaffat ayat 102 yang berbunyi: "Nabi Ibrahim berkata kepada anaknya Nabi Ismail: Wahai anakku! Aku bermimpi malam tadi bahawa Allah telah memerintahkan aku supaya menyembelih engkau. Bagaimanakah pendapatmu? Menjawab Nabi Ismail: Wahai bapa! Jangan ragu. Laksanakanlah apa yang diperintahkan itu insya Allah bapa akan mendapati saya seorang yang tabah."

Daripada percakapan dua beranak inilah kita jumpai 'dasar' atau asas yang menjadi pegangan dua beranak itu iaitu asas setia dan taat kepada titah perintah Allah, tidak membantah walau seberat mana sekalipun perintah tersebut.

Inilah yang kita maksudkan dengan ciri yang penting tadi iaitu asas konsep atau dasar yang dipegang oleh dua orang anak beranak ini maknanya pengorbanan yang agung itu

dapat dilakukan, tergamak dibuat oleh mereka. Dan inilah yang perlu diambil iktibar oleh sekalian kaum Muslimin di dunia ini bahawa mentaati perintah Allah itu ialah 'gayah' atau tujuan daripada hidup seorang Muslim. Muslim itu ertinya menyerah, menyerah bulat-bulat kepada Allah Taala. Ya inilah tujuannya, dengan melalui peristiwa korban yang agung itu Allah Taala telah mendidik rohani kita supaya mencontohi Nabi Allah Ibrahim dan Nabi Allah Ismail iaitu bilamana kita benar-benar ingin selamat dan beroleh berkat daripada kehidupan kita yang singkat ini maka kenalah kita taat, kenalah kita patuh dan kenalah kita tunduk kepada perintah-perintah Allah. Jangan bantah dan jangan lawan Allah Taala, binasa padahnya. Umat Islam tidak usah khuatir, tidak usah takut bahawa perintah menyembelih anak tidak akan berlaku lagi. tidak akan berulang lagi. Cuma sekarang perintah Allah itu hanya dalam bentuk yang paling ringan dan biasa sahaja iaitu dalam bentuk ibadat, dalam

muamalat dan sedikit-sedikit dalam cara hidup sehari-hari. Ini sahaja, tidak berat, tidak seberat yang diperintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihimussalatu Wasallam.

Contohnya kita hanya dituntut beriman dalam Rukun Iman yang enam. Melaksanakan fardu-fardunya terutama dari Rukun Islam yang lima. Sebagai misalan kita diminta, diperintahkan supaya mendirikan ibadat sembahyang. Maka apakah yang sukarnya di sini? Adakah bacaan-bacaannya 'kaifiyah' atau cara-caranya yang susah itu? Kita rasa tidak! Semuanya boleh sahaja dipelajari. Kalau orang boleh belajar hingga sampai naik tangga universiti dan kemudian turun semula tangga universiti (lulus), mengapa, mengapa untuk belajar cara-cara mengadap Allah Taala, belajar cara-cara memperhambakan diri kepada Allah Taala kita tidak sanggup, kita kata susah? Mengapa? Alangkah peliknya manusia. Contoh yang lain kita diperintahkan dan disuruh berpuasa bulan Ramadan. Paling maksima ialah 30 hari

sahaja. Apa juga susah? Atau teruk sangat? Kita rasa juga tidak! Kalau sebelas bulan kita merdeka penuh, boleh makan dan minum apa sahaja kecuali yang haram, mengapa untuk sebulan sahaja kita ber-dalih, tidak sanggup walaupun atas nama menjunjung titah perintah Allah? Tidakkah kita sedar bahawa nun jauh di sana kita telah mendengar dan bahkan melihat orang-orang yang mati kerana lapar. Mengapa sampai mati? Sebab terlampau lapar, tidak dapat makan, bukan setengah hari, bukan sehari, bukan dua tiga hari tetapi lapar yang berpanjangan, kerana itu hingga mati. Tetapi bagaimana kita, apakah kita takut lapar seperti mereka itu lapar sehingga membawa mati. Tidak! Tidak berasa! Kita lapar bukan seperti mereka lapar. Tetapi kita lapar, lapar dalam kenyang, lapar dalam mewah, lapar dalam berharta, lapar yang membawa cergas, lapar yang membawa sihat, lapar yang membawa hidup, bukan lapar yang membawa-mati. Dan paling penting, lapar kita adalah lapar dalam reda Allah, bukan lapar dalam murka Allah. Lapar kita

adalah lapar dalam rahmat Allah, bukan lapar dalam laknat Allah. Lapar kita adalah lapar orang-orang yang berbahagia, bukan lapar orang-orang celaka! Tetapi mengapa, mengapa lapar yang seperti ini pun kita tidak sanggup? Sekali lagi betapa pelik dan anehnya makhluk manusia.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Apa sebabnya kita tidak patuh kepada perintah Allah, tidak mahu tunduk kepada suruhan-Nya? Apa sebabnya? Jawabnya: Lihat keterangan Al-Quran sendiri bahawa dua punca penyakit engkar atau derhaka itu. Pertama Firman Allah dalam Surah Yusuf ayat 53 tafsirnya:

"Bahawa sesungguhnya nafsu itu sangat-sangat mengajak menyeru kepada kejahatan."

Kedua firman Allah lagi dalam Surah Al-Faatiir ayat 6 tafsirnya:

"Bahawa syaitan itu ialah musuh kamu. Sebab itu perlakuanlah dia sebagai musuh. Dia hanya berusaha untuk mencari kawan seperti dia juga supaya sama-sama menjadi isi neraka yang menyala-nyala."

Hawa nafsu jahat dan syaitan itu menjadikan hati manusia sebagai markasnya. Kerana dia pun tahu seperti mana yang dimaksudkan oleh hadis Nabi bahawa jika baik dan bagus hati itu maka baik dan bagus pulalah seluruh tubuh badan. Jika jahat dan buruk hati maka jahat dan buruklah pula seluruh tubuh

badan.

Cara syaitan boleh bertapak di hati kita ialah apabila tiada pertahanan untuk menolaknya. Apakah pertahanan itu? Jawabnya ialah: 'Ingat akan Allah' sama ada dalam bentuk zikir atau menyebut-nyebut Allah atau melakukan ibadat kepada-Nya. Itulah dia pertahanan daripada syaitan. Sementara lupa akan Allah, jauh daripada ibadat terhadap-Nya maka itulah pula semudah-mudah jalan untuk syaitan-syaitan itu dapat masuk dan bertapak di hati manusia. Cuba kita perhatikan hadis ini riwayat Anas bin Malik Radiallahu Anhu yang bermaksud kira-kira:

"Bahawa syaitan itu menaruh muncungnya di atas hati anak Adam (sentiasa siap sedia). Jika manusia itu ingat kepada Allah atau menyebut Allah maka undurlah ia dan apabila manusia itu lupa kepada Allah maka dipatukinya hati manusia itu." Yakni masa ini berjalanlah hasutannya dan luluslah segala rancangannya untuk menyesatkan manusia.

Oleh kerana itu marilah kita halangi syaitan itu daripada merosakkan kita dengan cara mengamalkan petunjuk hadis di atas iaitu dengan banyak-banyak mengingati Allah melalui zikir di mulut atau di hati serta dengan perbuatan dalam bentuk ibadat dan cara hidup yang direddi oleh Allah. Insya Allah dengan ini kita akan selamat.

BERIBADAT KEPADA ALLAH ASAS PERTAHANAN UMAT ISLAM

Khutbah kedua

atas Hawa dan Nabi Adam Alaihisalam. Ada juga dengan cara menghasut seperti yang dilakukannya ke atas kaum Nabi Noh, hingga kaum ini tidak mahu patuh kepada Nabi mereka, bahkan bahtera yang dibuat oleh Nabi Noh atas perintah Allah Taala juga telah mereka lumuri dengan najis-najis mereka sendiri. Dan bermacam-macam lagi angkara iblis dan syaitan tersebut dalam sejarah.

Begitulah, kita jangan sekali-kali lupa bahawa iblis dan syaitan itu makhluk yang amat licin dan pintar. Dia ada pada setiap orang. Dia akan

mencuba dan terus mencuba untuk memesonkan kita. Jika dia tidak berjaya pada batang tubuh seseorang itu dia boleh jadi berpindah kepada siapa sahaja yang ada kena mengena dengan orang itu, seperti isterinya, atau anak, pinaknya, atau adik-beradiknya, sahabat-sahabatnya dan lain-lain, dia akan menghasut untuk menyampaikan hajatnya. Cara dia mempengaruhi seseorang, sebolehnya dicarinya jalan apa yang orang itu suka atau gemari.

Kalau orang itu cenderung dan gemar kepada harta, maka akan didorong dan ditunjuki bagaimana membayangkannya harta, dan tentulah bukan melalui jalan yang baik tetapi jalan yang salah seperti makan riba, menipu, rasuah dan lain-lain. Kalau orang cenderung pula kepada perempuannya, tentulah akan didorong supaya membayangkannya teman perempuannya, campur gaul tanpa batas di dalam pesta-pesta dan sebagainya. Kalau orang

cenderung kepada arak, tentulah akan didorong supaya hampir dengan arak, melalui pergaulan dan kawan-kawan, atau majlis-majlis yang ada arak. Atau diracuninya fikiran orang itu supaya menerima konsep bahawa arak itu minuman kemegahan, minuman an tarabangsa, minuman orang-orang ternama, dan barang siapa yang menolak arak adalah orang kolot.

Inilah di antara angkara dan pesona iblis dan syaitan kepada manusia. Kita, wahai saudara-saudara Muslimin! binalah asas pertahanan kita. Tegakkan jangan sampai con-

dong dan roboh. Sekali lagi kita tegaskan, asas pertahanan umat Islam daripada syaitan itu ialah ibadat kepada Allah, ingat akan Allah, banyak-banyak ingat, bukan ingat sedikit-sedikit dan bertual-tual, tetapi ingat yang berterusan. Ingat, tidak kira di dalam masa kita duduk, masa berdiri, masa berbaring, masa susah, masa sihat, masa sakit, masa muda, masa tua, masa hidup dan had masa hampir mati, sebagaimana sifat orang yang seumpama ini disebutkan oleh Allah di dalam Al-Quran seperti firman-Nya dalam surah Ali-Imran ayat 191.

Kegiatan keagamaan penuntut Brunei di UK

UNITED KINGDOM. — Penuntut-penuntut Brunei Darussalam yang masih menuntut di sini telah menganjurkan beberapa kegiatan agama di sepanjang tahun 1985.

Bimbingan agama telah dianjurkan oleh seorang Pegawai Agama yang bertugas di unit penuntut-penuntut di Rumah Brunei. Bimbingan tersebut berjalan pada tiap-tiap hari Selasa bagi penuntut-penuntut perempuan manakala hari Rabu bagi penuntut-penuntut lelaki. Sementara bimbingan Al-Quran bagi penuntut-penuntut perempuan adalah pada tiap-tiap hari Sabtu manakala hari

Ahad bagi penuntut lelaki.

Pada 8 April satu ceramah telah diadakan bagi penuntut-penuntut perempuan iaitu berhubung dengan kewajipan wanita Islam kepada masyarakat. Pada 17 April pula satu majlis Israk dan Mikraj telah dilangsungkan dengan diserikan dengan ceramah agama bertajuk Beriman Kepada Allah.

Sementara pada 5 Mei, satu majlis membaca Yassin telah diadakan beramai-ramai di Surau Rumah Brunei. Pada 16 Mei satu majlis membaca tahlil dan doa arwah telah diadakan anjuran bersama pegawai-pegawai serta kakitangan dan penuntut-penuntut Brunei Darussalam.

Dan pada 18 Mei majlis bertahlil yang diselenggarakan dengan soal jawab kemasyarakatan telah dilangsungkan di Brighton.

Majlis doa selamat dan berbuka puasa anjuran pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Diraja Brunei di London sempena genap ke-24 tahun usia angkatan tersebut telah diadakan pada 31 Mei 1985.

Pada 6 Jun pula sambutan Nuzul Al-Quran anjuran isteri-isteri pegawai di Suruhannya Tinggi Brunei Darussalam di London telah diadakan yang diselenggarakan dengan membaca tahlil dan

doa arwah serta majlis berbuka puasa.

Sementara majlis Khatam Al-Quran dan tadarus telah dilangsungkan di sepanjang bulan Ramadan yang diselenggarakan dengan membaca tahlil dan doa arwah. Pada 19 Jun penuntut-penuntut Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai kerajaan telah mengadakan takbir Hari Raya beramai-ramai. Dan pada 20 Jun Sembahyang Hari Raya berjemaah telah diadakan di bilik permainan dan di Surau Rumah Brunei.

Pada 14 Julai yang lalu satu ceramah telah disampaikan kepada penuntut-penuntut lelaki dan perempuan.



GAMBAR menunjukkan penuntut-penuntut serta pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat di United Kingdom sedang mendengar ceramah agama.



KEMAHIRAN dalam kerja-kerja tangan memang dikuasai oleh kaum wanita. Dalam pesta ini kelihatan mereka menunjukkan kerja-kerja menganyam ketupat.



KANAK-KANAK memang suka bermain di pantai terutama dalam satu pesta. Gambar atas ialah beberapa orang kanak-kanak sedang mengisikan pasir ke dalam botol.



MENGUPAS kelapa memang menyeronokkan tapi awas, benda pengupas itu tajam dan kalau silap sedikit membahayakan diri sendiri.



BELARI dalam guni ala Kanggaro bagi orang-orang dewasa adalah salah satu daripada acara pesta pantai pada hari itu.

PESTA PANTAI LUMUT MEMERIAHKAN PERAYAAN

PESTA PANTAI merupakan salah satu daripada acara sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wad-daulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Belait.

Temasya tersebut diadakan setiap tahun di Pantai Lumut dan pada tahun ini ianya dikelolakan oleh Majlis Belia-Belia Daerah Belait.

Acara pada pagi itu bermula dengan ucapan aluan daripada Pengerusi

Pesta Pantai, Awg. Jumat bin Hj. Ideris yang juga selaku Naib Yang Dipertua MBBDB. Dalam ucapannya beliau telah mengutarakan belia-belia yang suka meniru setiap perkembangan barat yang mana perkembangan-perkembangan tersebut adalah tidak sesuai dengan kebudayaan dan adat resam negara ini.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, selaku tetamu kehormat sejurus sebelum merasmikan pesta itu juga

telah menyampaikan ucapan-nya.

Pesta sehari itu memuatkan pelbagai acara-acara menarik di mana sebanyak 12 acara dikhususkan kepada kanak-kanak berumur lima hingga 10 tahun. Sebanyak 13 acara dikhususkan kepada orang-orang dewasa dan beberapa acara lain pula adalah acara terbuka kepada semua peringkat.

Kira-kira 2,000 orang telah menghadiri pesta tersebut, dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Dato Paduka Awg. Sidek bin Yahya.

PESTA KARANGAN DIADAKAN BAGI HIDUPKAN KEBUDAYAAN LAMA

TEMBURONG. — Pesta Karangan adalah salah satu acara kemuncak sempena sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Temburong yang berlangsung di Perkilahan Karangan Sumbiling pada hari Ahad lepas.

Penolong Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Mohd Salleh bin Pg Kamaluddin telah merasmikan pesta tersebut. Dalam ucapannya antara lain beliau berkata Pesta Karangan ini adalah kali kedua dianjurkan oleh Jawatankuasa Tertinggi bagi tujuan menyatukan dan memahamkan kepada rakyat dan penduduk daerah ini bagi menghidupkan kebudayaan lama sepertimana acara-acara yang telah disusun oleh Jawatankuasa.

Beliau juga menyentuh

supaya segala peralatan yang telah disediakan oleh kerajaan tidak akan dirosakkan.

Sebanyak 25 acara telah dipertandingkan di antaranya termasuklah perlumbaan basikal BMX, menuhir atap dan daun nipah, memotong kayu, mengisar jala dan lain-lain.

Sementara itu peraduan kanak-kanak sihat sempena sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam juga telah diadakan bertempat di Dewan Kemasyarakatan di sini.

Majlis itu dimulakan dengan ucapan Pengerusi, Dayang Fatimah binti Haji Gani. Kemudiannya diikuti oleh ucapan tetamu kehormat dan selaku Pengerusi Tertinggi, Awang Osman bin Awang Damit, Pegawai

Daerah Temburong.

Seramai 85 orang kanak-kanak menyertai peraduan itu yang dibahagikan kepada empat kumpulan. Pemenang pertama dalam kumpulan 'A' bagi kanak-kanak empat hingga lapan bulan ialah Han Lee Nancy, kedua Ahmad Ariff bin Mohammad Al Mass dan ketiga Zuriani binti Mamit. Dalam kumpulan 'B' pertama dimenangi oleh Suhana binti Labar, kedua Mohd Hailley bin Ayop dan ketiga Salleh bin Ibrahim.

Bagi kumpulan 'C' pula johan disandang oleh Jaraina binti Daud, tempat kedua Mohd Izzat bin Ramli dan ketiga Chan Yuk Seong. Sementara dalam kumpulan 'D' pertama ialah Amal Hayati binti Mohin, kedua Ampuan Rositah binti Ampuan Abd. Rahman dan pemenang ketiga ialah Norhayati binti Awang.



GAMBAR memperlihatkan ketika acara dijalankan iaitu mengisar jala di Pesta Karangan, Daerah Temburong.



SEBAHAGIAN daripada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung ketika mendengarkan penerangan berkenaan dengan Hari Pelancaran, tujuan-tujuan serta kegiatan-kegiatan yang akan dijalankan di sepanjang kempen kebersihan itu nanti. Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

KEMPEN KEBERSIHAN DIADAKAN 1 SEPTEMBER

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kempen Kebersihan Peringkat Kebangsaan akan dilancarkan pada 1 September akan datang.

Demikian dinyatakan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin kepada lebih 50 orang penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Daerah Brunei-Muara di Dewan Bandaran pada Khamis lepas.

Katanya, selepas hari pelancaran ini, kempen kebersihan ini akan terus berjalan secara berperingkat di daerah-daerah dan di kampung-kampung di seluruh

negara hingga ke penghujung tahun ini.

Acara kemuncak kempen pada tahun ini ialah satu pertandingan memilih kampung-kampung dan sekolah-sekolah yang terbersih. "Diharapkan dengan adanya pertandingan ini akan menaikkan semangat kita ikut serta dalam berkempen," jelas beliau lagi.

Di samping itu Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Abdul Ghani bin PDPD Haji Abdul Rahim pula menjelaskan, bahawa aspek-aspek yang akan diutamakan bagi memilih kampung-kampung

dan sekolah-sekolah yang terbersih itu nanti iaitu, aspek kebersihan umum, semangat penyertaan, penguasaan sampah yang teratur, kecantikan kawasan sekitar dan daya kreatif. Kesemua aspek-aspek akan diutamakan oleh jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat.

Kempen pada tahun ini yang bertemakan Bersatu Mengekalkan Alam Sekitar Yang Bersih adalah di bawah tajuan bersama Syarikat Minyak Shell Brunei, Pejabat bagi daerah masing-masing, Jabatan Bandaran dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

RANCANGAN-RANCANGAN KHAS UNTUK HARI RAYA AIDILADHA

PERANCANGAN awal untuk menyambut kedatangan hari raya korban tahun ini ternyata telah membuahkan beberapa rancangan yang bercorak keagamaan dan difikirkan sesuai dan secocok dengan suasana Hari Raya Aidiladha ini dan seimbang pula dengan kehendak radio untuk menyesuaikan isi siarannya dengan peredaran dan pergolakan semasa di negara kita.

Bertepatan dengan hari mengerjakan ibadat Ukuf di Padang Arafah, radio sebagai sebuah media Kerajaan yang berkemampuan menerima berita secara ekspres, telah pun menyiarkan secara langsung peristiwa tersebut pada 25 Ogos yang lalu yang diterima terus dari Kota Mekah dan dibawa khusus untuk pendengar setempat.

Dengan cara itu, nyataah pendengar dapat menumpukan perhatian serta pendengaran awda terhadap apa yang berlaku di Padang Arafah, tempat di mana setiap orang yang berada di sana akan terbayang dan mengingatkan diri masing-masing akan gambaran di Padang Mahsyar di akhirat nanti.

Rata-rata, rancangan-rancangan khas radio untuk hari raya korban ini akan mendekatkan lagi pendengaran awda dengan tanah suci Mekah seperti yang mengambil tempat sejak awal musim haji tahun ini. Sebagai ekoran dari laporan harian ini, telinga orang-orang radio telah terdengar desas-desus yang mengatakan laporan yang sedemikian itu adalah sangat-sangat di-

alu-alukan oleh pendengar lebih-lebih lagi kepada sanak saudara para jemaah-jemaah haji kita. Alhamdulillah! sekurangnya dengan cara itu, pihak radio mendapat 'penghargaan' daripada pendengarnya, walaupun tujuan asalnya ialah untuk sekadar menyumbangkan khidmat bakti yang lazimnya untuk masyarakat umum sedapat yang mungkin.

Rancangan-rancangan yang berbentuk rencana yang masing-masing bertajuk 'Menuju Ke Tanah Suci' dan 'Sekitar Di Tanah Suci' juga telah diusahakan khusus untuk dikeudarkan pada hari raya ini. Sementara itu pula, sebuah rancangan yang dianggap sebagai 'highlight' ialah rakaman salam jemaah-jemaah haji kita dari tanah suci. Rancangan ini telah pun lebih awal dirakam melalui perhubungan telefon.

Di samping perhatian awda ditumpukan ke tanah suci, pihak radio juga tidak ketinggalan dalam menyediakan bahan-bahan terbitan tempatan. Dari bahagian drama mengemukakan Drama Khas Aidiladha. Sebuah rancangan dakwah yang dibentuk melalui irama iaitu Nada Peduman Aidiladha juga telah pun diusahakan keluaran khasnya oleh penerbit khusus untuk peminatnya di hari mulia ini. Juga tidak ketinggalan rancangan yang melibatkan penyertaan dari pendengar radio sekali-melalui rancangan khas Permintaan Aidiladha.

Radio berharap rancangan-rancangan yang dimuatkan dalam sehari-negara kita menyambut Hari Raya Aidiladha ini akan dapat memberikan semacam rasa kepuasan di hati pendengar kerana hanya dari sanalah radio dapat mengukur keberkesanan siarannya baik untuk masa kini mahupun untuk masa yang akan datang. Akhir sekali kami mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha. Sekian.



TETAMU RADIO

TETAMU undangan minggu ini merupakan seorang pelawak dari Semenanjung Malaysia. Beliau ialah saudara

Yahya Sulong (gambar atas). Temubual Haji Bahmin bersama beliau akan ke udara pada hari Ahad 1 September jam

4.30 petang. Ulangannya akan disiarkan pada hari Rabu jam 2.00 petang.

RAKAMAN PERADUAN TALENTIME

RAKAMAN pemilihan peringkat awal peraduan talentime akan diadakan di Studio RTB di Kuala Belait pada hari Ahad 8 September, 1985 mulai jam 8.30 pagi.

Peserta-peserta berikut dikehendaki hadir ke studio tersebut bagi rakaman. Mereka ialah Dayang Zuraina binti

Kepli, Yusof bin Haji Abdul Kadir, Kartini binti Abdul Wahab, Mardiana binti Abdul Wahab, Rosnah binti Adanan, Aisah binti Ramli, Winnie Wang Choon Peng, Justina Wang Choon Yan, Zulkiflee bin Junit, Dk Faridah binti Pg Damit dan Dk Saadiah binti Pg Damit.

Sandiwara Radio:

"ADOI DOI.... SAKIT!"

KARYA Zefri Ariff, Negara Brunei Darussalam kali ini berjudul "ADOI DOI.... SAKIT!" akan dapat diikuti melalui Sandiwara Radio Minggu Ini.

Melalui tajuknya, pasti para pendengar akan dapat meneka corak isi penulisan Zefri kali ini. Seperti biasanya, penulis ini mengemukakan karyanya bercorak jenaka dan kali ini gambaran dibuat berlaku di dalam sebuah syarikat bernama Syarikat Pemaju Perumahan Angin-Angin.

Syarikat ini membuka tawaran kepada kontraktor perumahan bagi menjalankan sebuah projek perumahan. Rosli, Pengurus Besar bagi Syarikat berkenaan merasakan kedudukannya agak rumitkan apabila Nancy muncul dengan berbagai muslihat untuk memerangkap Rosli agar meluluskan tawaran itu kepada

syarikat ayahnya.

Dalam diam-diam pula Nancy telah berpakat lebih awal dengan Omar, seorang pekerja di syarikat Rosli sendiri. Walaupun kemungkinan Rosli akan mendapat saguhati yang lumayan dari ayah Nancy, tapi ia tetap berfikir dua kali dan tidak bertindak mengikut hawa nafsunya.

Dalam masa yang sama, Rosli pula sedang memikirkan tentang bagaimana untuk memenuhi kehendak isterinya Zainon untuk berbulan madu setelah perkahwinan mereka, se-

dangkan keadaan pekerjaannya di pejabat tidak mengizinkannya untuk mengambil cuti. Bagaimanapun, ia sudah terlanjur berjanji dengan isterinya untuk memenuhi kehendaknya itu.

Bagaimanakah tindakan Rosli selanjutnya? Mungkinkah ia akhirnya akan terpengaruh dengan godaan Nancy? Ikutilah kisah jenaka ini selanjutnya melalui siarannya pada 1 September, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.

Dari Pendengar Untuk Pendengar

DAYANG Halimah Haji Mohammad yang beralamat No. 17-C Kampong Pengiran Bendahara Lama, Bandar Seri Begawan, ialah peserta yang akan mengisikan rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar bagi keluaran minggu ini. Siarannya akan dapat awda ikuti pada hari Selasa 3 September, 1985 jam 4.00 petang.

Mari Memasak:

Rendang Ketam Suri

BAHAN-BAHAN:
NYA :—

- 2 kati ketam suri
- 2 biji kelapa ambil 1 mangkuk santan pekat
- 2 mangkuk santan cair
- 1 mangkuk kerisik
- 4 biji buah tomato segar
- 4 biji lada hidup merah
- 4 biji kentang digoreng
- 4 biji tahu digoreng
- 1 sudu tomato puri
- 1 sudu sos cili
- 4 batang serai dititik

BAHAN-BAHAN
KISAR :—

- 10 ulas bawang merah
- 8 ulas bawang putih
- 2 inci halia muda
- 2 inci langkuas
- 20 biji lada kering
- 1 cawan minyak

2 senduk gula melaka
Sedikit garam dan serbuk perasa

1 biji perahan limau nipis.

CARA-CARA

MEMBUATNYA :—

Ketam dibersihkan biarkan seekor-seekor masukkan dalam periuk bubuh garam, serbuk perasa dan santan cair. Masak hingga mendidih angkat kulitnya biarkan jejaringnya.

Di periuk lain masukkan minyak hingga pijar masukkan bahan-bahan tumis hingga wangi, masukkan tomato puri, gula melaka, air asam dan pati santan. Bila agak mendidih masukkan ketam dan kerisik serta kentang goreng dan tahu masaklah hingga kering airnya baru masukkan tomato buah. Angkat hiaslah mengikut selera puan-puan.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU 28 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 PULLOVER: "Penguin Paper World"
- 5.00 ANIMAL IN ACTION: "Water Of Life"
- 5.30 FAMILY TIES: "The Philadelphia Story"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 INSPECTOR GADGET
- 6.30 TEKA TEPAT
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.43 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TWO MARRIAGES: "Legacy"
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.48 TWO MARRIAGES — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 RENCANA KHAS: Expo Tsukuba '85 — Bgh. 3
- 10.00 HUNTER: "Snow Queen" Bgh. 2
- 10.50 BUFFALO BILL
- 11.20 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 29 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 WORDS AND PICTURES
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WORLD ALIVE: "Coto Donana"
- Donana ialah satu kawasan taman negara di Spain. Taman ini menjadi persimpangan jalan kepada sebahagian burung-burung antara Eropah dan Afrika. Setiap tahun burung dari Eropah yang hendak mengelakkan cuaca sejuk terbang ke sana. Begitu juga sebaliknya bagi beberapa jenis burung Afrika yang hendak mengelakkan cuaca musim panas benua itu.
- 6.25 A WHOLE WORLD OF CHILDREN: "Holland and India"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.43 A WHOLE WORLD OF CHILDREN — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FINDER OF LOST LOVES: "A Gift"
- Seorang wanita mengupah Gary untuk mencari anak perempuan yang telah diasuhkannya. Dan seorang penari wanita muda, hendak berkahwin dengan seorang kaya, telah memberitahu sekolahnya untuk menghentikan dermasiawanya. Mereka bertanya: "Dermasiswa, apa?" Daisy pula diupah untuk mencari dermawan itu.
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.48 FINDER OF LOST LOVES — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 HIDAYAT
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.35 HAWAIIAN HEAT: "Missing In Hawaii"
- 10.35 WAYNE AND SHUSTER: "Women's Lib"
- 11.00 TAYANGAN GAMBAR: "Tess Of Storm Country"
- 12.30 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 30 OGOS

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.30 HIDAYAT (ulangan)
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.55 THE TRADITIONAL WORLD OF ISLAM
- 1.25 ITALIAN SOCCER: "Inter vs Milan" "Juventos vs Inter"

PETANG

- 3.15 THE WEARLING
- 3.43 AZAN ASAR
- 3.47 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
- 4.15 KONONNYA: "Si Perantok"
- 4.40 E. R.
- 5.10 CHILDREN'S ISLAND
- 5.30 PROFILES OF NATURE
- 5.50 TOWARDS 2000
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
- 6.20 TEKA TEPAT
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.43 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 AIRWOLF: "Daddy's Gone A Huntin'"
- Hawke bertugas sebagai pilot pertukaran (exchange pilot) untuk

menghentikan seorang kawan dari melakukan satu pengkhianatan.

- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.48 AIRWOLF — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 DRAMA TEMPATAN: "Korban" (ulangan)
- 9.50 MAGNUM: "Little Games"
- Seorang pakar keselamatan wanita menimbulkan jiwa romantik Magnum apabila wanita itu diupah untuk mengawal Robin's Nest dalam satu pertunjukkan barang-barang kemas berjuta ringgit.
- 10.40 DALLAS: "Ewing Connection"
- 11.30 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 31 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 DANGER MOUSE
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 RAINBOW: "Occupation-Generals"
- 6.30 I DREAM OF JEANNIE: "My Master, The Chili King"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.43 I DREAM OF JEANNIE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIMON AND SIMON: "C'est Simon" (Paris When It Fizzles)
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.48 SIMON AND SIMON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 PENERANGAN KHAS KETIBAAN JEMAAH HAJI
- 9.20 LIPUTAN NASIONAL
- TAYANGAN GAMBAR INDONESIA / MELAYU
- 10.50 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "In Enemy Country"
- 12.20 MUSICAL ROCKLINE
- 12.50 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 1 SEPTEMBER

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 MUSIKAL: "Live Aid Concert" Bgh. I
- 12.24 AZAN ZUHUR
- 12.30 MUSIKAL — sambungan
- 1.10 TAYANGAN GAMBAR: "Battle Beneath The Earth"

PETANG

- 2.30 ALVIN AND THE CHIPMUNKS
- 3.00 BENSON: "Made In Hongkong" Bgh. I
- Benson, Gabenor, Clayton dan Kraus pergi ke Hongkong atas urusan rasmi. Apabila seorang pengusaha fesyen terkenal dan kuncunya menculik Clayton, polis mensyaki Benson melakukannya.
- 3.30 WORLD IN ACTION: "Farewell To Arms Race"
- 3.41 AZAN ASAR
- 3.45 WORLD IN ACTION — sambungan
- 4.00 TRAPPER JOHN MD: "Double Bubble"
- 5.00 CHILDREN'S SPECIAL: "Schoolgirl Chums"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 321 CONTACT: "Space/Wednesday"
- 6.25 CHARLES IN CHARGE: "Friends And Lovers"
- Charles dan Gwendolyn bercadang untuk "berkawan" sahaja tetapi apabila Gwen keluar dengan orang lain, Charles merasa cemburu.
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.40 CHARLES IN CHARGE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE FLYING DOCTORS
- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.46 THE FLYING DOCTORS — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 ANEKARIA
- 9.25 HAND AND EYE: "All That Glistens"
- 10.20 IT TAKES TWO
- 10.50 JESSIE: "Trick Of Fate" (terakhir)
- 11.40 FOX MYSTERY THEATRE: "Tennis Court" Bgh. I
- 12.30 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 2 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SMURFS: "Smurfette For A Day"
- 5.00 MIGHTY ORBOTS: "The Phoenix Factor"
- 5.30 SEA URCHIN
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 IN SEARCH OF THE PAST: "Greece — The Cradle of Europe"
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.40 TEKA TEPAT

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SCARECROW AND MRS KING: "Life Of The Party"
- Amanda dan Francine menyerupa jadi pembantu-pembantu rumah (maids) untuk menembusi kumpulan pencuri-pencuri dan pembunuh-pembunuh di kalangan keluarga terkemuka di Washington.
- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.46 SCARECROW AND MRS KING: — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 MARI MEMASAK: "Rendang Ketam Suri"
- Resipi ada dimuatkan di muka lain akhir ini.
- 9.27 GIVE US A CLUE
- 9.50 DOCUMENTARY: River Journeys "The Murray"
- Mengembara mengikut aliran sungai terkemuka di Australia, Sungai Murray dari puncanya di Snowy Mountain hingga ke kualanya.
- 10.40 BERRENGER'S: "Seduction"
- 11.30 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 3 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ALPHABET 200
- 5.00 AMATEUR NATURALIST: "The Other New Yorkers"
- 5.30 THE LITTLES
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NOVA
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.40 NOVA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HOTEL
- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.46 HOTEL — sambungan
- 8.35 ARENA SUKAN
- 9.30 REKASENI
- 10.00 MIKE HAMMER: "Dead Card Down"
- 11.00 BRITISH OPEN SQUASH: "Men's Final"
- 11.30 SIARAN TAMAT.



DARI kiri: Ernest Borgnine, Alex Cord dan Jan-Michael Vincent membintangi siri "AIRWOLF".



Rancangan Rancangan



RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00- 6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.45 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang (Berita Perdana)
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

HARI RABU 28 OGOS

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Ali.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Hiburan, 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

HARI KHAMIS 29 OGOS

PAGI: 9.00 — Lagu Dari Kaset, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ronggeng Tanahair (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama (SU).

PETANG: 2.00 — Hiburan, 2.30 — Nada Pedoman (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 30 OGOS

PAGI: 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Muzika Tanahair, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Hiburan Pilihan, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.30 — Bacaan Al-Quran, 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

TENGAH HARI: 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Dendang Si Alai, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Suara Bintang-Bintang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Rampaian Malam, 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Cerpen dan Salukan.

HARI SABTU 31 OGOS

PAGI: 9.00 — Mingguan Pelajar (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli (SU).
PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hiburan

Petang, 4.15 — Soalan Di Udara, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Suara Bintang-Bintang (SU), 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 1 SEPTEMBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15 — Majalah Perdana (SU), 11.00 — Ronggeng Tanahair, 11.15 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Hiburan Petang Minggu, 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.30 — Suara Kugiran, 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastra, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 2 SEPTEMBER

PAGI: 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukmaria.

TENGAH HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara Iskandar Jauhari, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 — Ku-

liah Ugama, (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 3 SEPTEMBER

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.45 — Radio Minggu Ini.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Petang.
PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silam, 3.15 — Seni Dan Sastra (SU), 3.30 — Sukmaria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Forum, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

WEDNESDAY

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 37th Aldeburgh Festival: Horszowskit Snape (side 2 and 3 of 3)
9.00 Perspective
9.30 Talking About Music — 265/270.

THURSDAY

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 Sixty-Minute Theatre: The Flower Case by James Saunders
9.30 Jazz at The Questors: Geoff Castles Impressions Orchestra (Prog. 5 side 2 & 3)

FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

11.00 A Religious Talk: Significance of Prayer — 2/13
11.15 Light Music From The Netherlands — 676
11.30 Children's Half Hour
12.00 BBC Scottish Radio Orchestra — 5/6.

P.M.

12.45 My Music — 365/436.
1.15 Book Club: The Dream Women by Wilkie Collins — 2/3.
1.30 Just for variety by duty announcer.
2.45 Fifteen-Minute Theatre: The Rubbish-Tip by Peter Russell.

3.00 Calling On You by Ak Hishamuddin.
4.00 Chinese Programmes.
8.00 A Religious Talk: Significance of Prayer — (repeat)
8.15 The World of Books.
8.45 Thirty-Minute Theatre: Vienna ABC by David
9.30 Its All Yours (repeat).

SATURDAY

P.M.

8.00 Melody Time
8.30 Animal, Vegetable Or Mineral — 36/46.
9.00 Light And Easy with the Billy Vaughan Orchestra
9.30 Top of The Pops — 1083.

SUNDAY

A.M.

11.00 A Date with..... produced by Ak Hishamuddin
11.30 37th Reith Lectures — The Freedom of the Will — 6/6.

NOON

12.00 The Barry Goergie Big Band Sound with Louis Lane — 4/10.

P.M.

12.45 Review of the Week by Idris Ali.
1.00 Top of The Pops — 1083 (repeat)
1.30 Weekend Greetings by Hassan Haji Sha'ari
2.30 Just for variety by duty announcer.
4.00 Chinese programmes.
8.00 37th Reith Lectures — The Freedom of the Will (repeat).
8.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music — 13/60.
9.30 Those Were The Days — 27.

MONDAY

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: Warsaw Melody by Leonid Zorin
8.45 Shakespeare: The Actor's View — Tony Church talks about King Lear — 21/24.
9.30 The Palm Court Trio — 3/6.

TUESDAY

P.M.

8.00 Just For You by Jafar Yaakob.
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: Nick Lowe And His Cowboy Outfit — side 2.

DAILY

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana (relayed from the Malay Service)
7.00 Brunei's AM
7.00 Weather Forecast, Brunei Darussalam In Reminiscence.
7.35 Tide Times presented by Azizah Abdullah
7.36 Brunei's Am (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Friday and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Friday and Sundays.

P.M.

12.45 Lunch Break (continued)
Weather Forecast
Brunei Darussalam In Reminiscence (repeat)
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursday.
4.00 Close for morning transmission of Fridays and Sundays.
9.15 News.



AWANG Haji Puasa bin OKSP Tudin, Pegawai Daerah Belait menyampaikan hadiah kepada ketua pasukan Sekolah St. Michael yang muncul sebagai juara lalulintas Shell.

SEKOLAH ST. MICHAEL JUARA LALULINTAS SHELL

SEKOLAH St. Michael dari Seria telah muncul sebagai johan dalam Pertandingan Lalulintas Shell Peringkat Daerah Belait yang berlangsung di Taman Permainan Lalulintas Shell pada hari Jumaat 26 Julai yang lalu.

Naib johan telah disandang oleh Sekolah St. John dari Kuala Belait. Sementara hadiah ketiga telah dimenangi oleh Sekolah Rendah Kerajaan Muhammad Alam Seria.

Peraduan yang dianjurkan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah

Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kali yang ke-39 tahun itu telah dirasmikan oleh Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin, Pegawai Daerah Belait.

Dalam ucapannya beliau telah melahirkan rasa kesalnya di atas sikap sebilangan orang ramai yang tidak bertanggungjawab, telah merosakkan papan tanda lalulintas jalan raya dan, seterusnya berharap perbuatan sedemikian itu akan dapat diberhentikan demi keselamatan pengguna-pengguna jalan raya.

Menurut beliau, sejak akhir-akhir ini terdapat orang-orang yang tidak bertanggungjawab telah

merosakkan tanda-tanda lalulintas di beberapa tempat seperti di Pekan Kuala Belait dan Seria.

Pegawai Daerah Belait seterusnya menyatakan tanda-tanda lalulintas yang dipasang di jalan raya adalah semata-mata bertujuan untuk memberikan panduan dan keselamatan orang ramai yang menggunakan jalan-jalan raya dan ianya seharusnya tidak dirosakkan.

"Tanda-tanda jalan raya merupakan alat penting untuk panduan keselamatan, ianya patut dipatuhi oleh setiap pengguna jalan raya demi keselamatan bersama," ujarnya.

Sebanyak 10 buah sekolah rendah di Daerah Belait menyertai pertandingan pada hari itu.

Adalah difahamkan bahawa pertandingan permainan lalulintas adalah kegiatan tahunan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad yang antara lain bertujuan untuk menyedarkan orang ramai tentang keselamatan di jalan raya terutama sekali kanak-kanak sekolah diajar cara-cara dan tata tertib sewaktu menggunakan jalan raya.

Hadiah-hadiah di akhir pertandingan itu telah juga disampaikan oleh Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin, Pegawai Daerah Belait.



GAMBAR menunjukkan ketika peraduan dijalankan bertempat di Taman Permainan Lalulintas Shell, di Seria.

70 orang terima sijil BEC

SATU upacara penyampaian sijil kepada pelatih-pelatih kursus Business Education Council (BEC peringkat am) dan kepada mereka yang berkursus di jurusan Business and Technical Education Council telah dilangsungkan di Kelab Ria Shell pada minggu lalu.

Kedua-dua kursus itu diikuti oleh lebih dari 70 orang pelatih — 31 Business Education Council, 14 orang Kejuruteraan Loji dan 31 yang lainnya di bahagian Kawalan Pencapaian Industri.

Sijil-sijil bagi pelatih di jurusan kejuruteraan loji telah disampaikan oleh Pengurus Kakitangan dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pertubuhan, Awang Mat Suny bin Haji Md. Hussien.

Kursus Business Technical Education Council dijalankan selama tiga tahun sementara pelatih-pelatih kursus Business Education Council dikehendaki mengikuti kursus peringkat am selama satu tahun di pusat latihan dan apabila berjaya mereka akan

meneruskan pengajian di peringkat kebangsaan di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara.

Kursus BEC pada mulanya dilancarkan pada bulan Julai 1982 untuk menyediakan para pelatih bagi tugas di bahagian kiraan, perkhidmatan-perkhidmatan pejabat, perkhidmatan-perkhidmatan perbekalan dan jabatan kakitangan.

Upacara penyampaian sijil-sijil itu telah dihadiri oleh lebih dari 60 orang jemputan khas.



AWANG Abd. Razak bin Mat Jair dari BLNG menerima sijil daripada Awang Ed. de Groot.

MENDU LAKSANA KERJA DI LNG BRUNEI

SEBUAH Tongkang Mendu kini sedang bekerja dengan lebih giat bagi melaksanakan satu tanggungjawab di LNG Brunei. Adalah difahamkan bahawa pelaksanaan kerja itu dijangka akan berakhir pada pertengahan tahun depan.

Tongkang yang dikendalikan oleh seramai 70 orang kakitangan telah pun dikerah untuk membantu menyembur dan mengecat besi yang berukuran tiga batu di sepanjang jambatan loji LNG Brunei di Seria. Adalah dipercayai pelaksanaan tersebut merupakan sebahagian daripada kerja pengubahsuaian BLNG.

Mendu yang dipunyai dan dikendalikan oleh Shell

Brunei itu dijangka akan kerjanya pada bulan April dapat menyelesaikan kerja-1986.



Salam dari Padang Minyak



AWANG Suhaili bin Haji Dagong, Pegawai Keselamatan Kilang Penapis Brunei menerima anugerah keselamatan daripada LM, Henri Joubert. Anugerah itu diberikan kerana pencapaian pekerja-pekerja kilang tersebut yang bertugas selama setahun tanpa kemalangan.

Peraduan Fotografi Salam

SALAM sekali lagi akan menganjurkan peraduan fotografi terbuka kepada semua pekerja syarikat. Tema peraduan ialah "NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG PERMATI".

Peraduan itu akan menyediakan hadiah-hadiah

kepada tiga orang pemenang terbaik.

Syarat-syarat memasuki peraduan itu ialah gambar-gambar yang dihantar mestilah berukuran 5" x 7" (5R) atau 8" x 10" (8R) yang dilekatkan pada sekeping kertas tebal berwarna putih yang dibubuh beserta nama,

alamat dan tajuk gambar.

Mereka yang berminat bolehlah menghantar empat keping penyertaan tetapi cuma satu sahaja yang dipilih untuk memenangi hadiah. Tarikh tutup untuk menghantar borang-borang peraduan ialah pada hari Jumaat 30 Ogos 1985 depan.

WANG-WANG SYILING BAGI MEMPERINGATI KEMERDEKAAN, TAHUN BARU HIJRAH 1400 DAN KELUARAN-KELUARAN KHAS YANG DIKELUARKAN OLEH LEMBAGA MATAWANG BRUNEI



\$1,000 Peruf (emas)
Harga: \$2,600 sekeping

\$1,000 (emas) Dalam keadaan yang belum diedarkan
Harga: \$2,500 sekeping




\$100 (perak) Dalam keadaan yang belum diedarkan
Harga: \$150.00 sekeping



\$10 (Kupronikel) Dalam keadaan yang belum diedarkan
Harga: \$15.00 sekeping



\$50 Peruf (perak)
Harga: \$110.00 sekeping



Set wang-wang syiling
Dalam keadaan yang belum diedarkan (1c - \$1)
Harga: \$20.00



Set wang-wang syiling
Peruf (1c - \$1)
Harga: \$60.00



Set wang-wang syiling
Dalam keadaan yang belum diedarkan (1c - 50c)
Harga: \$18.00



Set wang-wang syiling
Peruf (1c - \$1)
Harga: \$60.00

Sebilangan terhad wang-wang syiling yang dikeluarkan oleh Lembaga Matawang Brunei sejak dari tahun 1970 hingga tahun 1985 masih lagi terdapat di Lembaga untuk dijual kepada orang ramai. Wang-wang syiling yang masih ada terdapat untuk dijual adalah seperti senarai di bawah.

JENIS	HARGA JUALAN	CAMPURAN	KELUARAN SEMPENA	TAHUN DIKELUARKAN
1. \$1000 Peruf	\$2,600.00 Sekeping	Emas	Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam	1984
2. \$1000 Dalam keadaan yang belum diedarkan	\$2,500.00 Sekeping	Emas		
3. \$100 Dalam keadaan yang belum diedarkan	\$150.00 Sekeping	Perak	Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam	1984
4. \$10 Dalam keadaan yang belum diedarkan	\$15.00 Sekeping	Kupronikel	Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam	1984
5. \$50 Peruf	\$110.00 Sekeping	Perak	Tahun Hijrah 1400	1981
6. Set wang-wang syiling. Peruf (1c - \$1)	\$60.00	Gangsa	Keluaran Khas	1970
7. Set wang-wang syiling. Dalam keadaan yang belum diedarkan. (1c - 50c)	\$18.00	Kupronikel	Keluaran Khas	1979
8. Set wang-wang syiling. Peruf (1c - \$1)	\$60.00	Kupronikel	Keluaran Khas	1985
9. Set wang-wang syiling. Dalam keadaan yang belum diedarkan. (1c - \$1)	\$20.00	Kupronikel	Keluaran Khas	1979

Sebelah hadapan semua wang-wang syiling itu mempunyai persamaan rekabentuk iaitu gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang ingin membelinya bolehlah datang ke Pejabat Lembaga Matawang Brunei, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan pada hari waktu bekerja dari jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL.: PPL/MTB/145/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF GLS LAMP BULBS.

Tarikh tutup: 18 September, 1985.

Cengkeram: \$300.00.
Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/146/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF FLOURESCENT FITTINGS.

Tarikh tutup: 18 September, 1985.

Cagaran: \$300.00.
Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/147/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY TO MALAY SCHOOL AT KAMPONG SUNGAI SIAM (KAMPONG AYER) VIA INSTALLATION OF 3 NOS. 35 FT. TUBULAR STEEL POLES.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/148/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan

Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 4 September, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—
EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY TO 9 NOS. CONSUMERS AT KAMPONG SERDANG, JALAN KOTA BATU VIA INSTALLATION OF 10 NOS. POLES AND 5 NOS. STAY RODS.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/162/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY TO 4 ADDITIONAL CLASSROOM AND 12 UNITS CLASS "E" FLAT AT SEKOLAH MELAYU BENKURONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/161/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF ELECTRICAL CEILING FANS, PEDESTAL (STAND) FANS, TABLE FANS & WALL FANS.

Tarikh tutup: 25 September, 1985.

Cengkeram: \$300.00.

